

Md Amin dilantik semula sebagai Naib Canselor UPSI

Tanjong Malim, 30 Jun - Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi meneruskan kepimpinan universiti itu untuk penggal baharu, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026.

Sesi penyerahan surat pelantikan beliau disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman, semalam di Putrajaya.

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dalam satu kenyataan memaklumkan Md Amin yang pertama kali dilantik sebagai Naib Canselor UPSI pada 24 Jun 2021 mempunyai pengalaman lebih tiga dekad dalam bidang pendidikan, pengurusan akademik dan pentadbiran universiti.

Menurut JPT, sepanjang menerajui UPSI, beliau telah memacu pelbagai agenda transformasi institusi merangkumi bidang akademik, penyelidikan, inovasi, pengantarabangsaan serta pembangunan modal insan, sekali gus memperkukuh kedudukan universiti sebagai institusi pendidikan tinggi yang progresif dan berdaya saing.

Mengulas pelantikan semula itu, Md Amin berkata amanah yang diberikan akan terus dipikul dengan penuh komitmen bersama seluruh warga universiti demi memastikan UPSI kekal cemerlang sebagai institusi pendidikan guru dan pengajian tinggi yang disegani.

"Saya amat menghargai kepercayaan yang diberikan dan akan terus memperkukuh usaha ke arah merealisasikan

aspirasi universiti melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi serta pembangunan modal insan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara," ujar beliau.

JPT turut merakamkan ucapan tahniah kepada Md Amin atas pelantikan semula beliau sebagai Naib Canselor UPSI.

Menurut kenyataan itu, pelantikan semula berkenaan diharap dapat meneruskan kesinambungan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik ke arah memartabatkan UPSI di persada institusi pendidikan tinggi.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



PTB UPSI sumbang 200 naskhah buku agama kepada dua institusi di Perak

Tanjong Malim, 2 Julai - Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyumbangkan 200 naskhah buku agama kepada Teratak Dusun Al-Barakah di Sungkai dan Pondok Muallim di Slim River sebagai usaha memperluaskan akses masyarakat kepada bahan bacaan berkualiti serta menyemarakkan budaya membaca.

Ketua Pustakawan UPSI, Noriha Muhammad berkata program berkenaan mencerminkan komitmen berterusan PTB dalam memastikan manfaat ilmu tidak hanya tertumpu kepada warga universiti, sebaliknya dapat dikongsi bersama masyarakat melalui pelbagai inisiatif yang berimpak. “Perpustakaan bukan sekadar tempat menghimpunkan koleksi bahan bacaan, malah berperanan sebagai institusi yang menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Melalui sumbangan ini, kami berharap lebih ramai dapat menikmati akses kepada bahan bacaan yang berkualiti serta menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam kehidupan seharian,” katanya ketika

ditemui selepas program berkenaan pada Selasa lalu.

Beliau berkata usaha itu juga selaras dengan hasrat UPSI untuk memperkasa pembelajaran sepanjang hayat dan menyokong pembangunan modal insan berilmu menerusi jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi pendidikan serta komuniti. Setiap buku yang disumbangkan membawa nilai ilmu yang mampu memberi manfaat berpanjangan. Kami berharap bahan bacaan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh para pelajar dan warga institusi dalam memperkukuh pengetahuan, khususnya dalam bidang agama, sekali gus melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu,” katanya.

Sumbangan itu disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTB, Mohd. Razalli Ahmad Termizi bersama warga Bahagian Pembangunan Teknikal (BPT) dalam program tanggungjawab sosial (CSR) yang bertujuan menyokong pembangunan ilmu, pembentukan sahsiah dan penghayatan nilai murni melalui amalan membaca.

UPSI Terbit Buku Keusahawanan Braille Pertama di Malaysia

Tanjong Malim, 30 Jun - Buku bertajuk “Memperkasakan Asas Berniaga (MAB) Dalam Kalangan Usahawan Kurang Upaya Penglihatan” diterbitkan dalam tiga jilid tulisan Braille hasil penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Mohamad Rohieszan Ramdan dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof Dr Suriani Abu Bakar berkata, penerbitan tersebut merupakan satu langkah penting dalam memperkasakan golongan kurang upaya penglihatan supaya mampu membina perniagaan sendiri, selaras dengan agenda keusahawanan inklusif negara. Menurut beliau, projek berkenaan direalisasikan

menerusi Geran *Fundamental Research Grant Scheme–Exploratory Concept* (FRGS-EC) daripada Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM30,000 yang menjadi pemangkin kepada pelaksanaan penyelidikan, kerjasama strategik serta penerbitan buku sepanjang tempoh tiga tahun.

“Penyelidikan universiti perlu diterjemahkan kepada penyelesaian sebenar yang memberi manfaat kepada masyarakat. UPSI komited memperkasakan penyelidikan berimpak tinggi yang bukan sahaja menghasilkan inovasi, malah meningkatkan kesejahteraan komuniti khususnya golongan rentan,” katanya.



Bakal hadapi peperiksaan bukan penghalang rangkul kejuaraan Forum Piala MB Perak

Ipoh, 2 Julai - Kesibukan membuat persiapan menghadapi peperiksaan bukan penghalang buat pasukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (A) untuk muncul johan kategori A Pertandingan Forum Piala Menteri Besar Perak Ke-16. Wakil pasukan, Nuramiraasha Rashdan, 23, berkata, komitmen setiap ahli pasukan membolehkan mereka membahagikan masa antara latihan dan akademik sehingga berjaya mempertahankan kecemerlangan universiti itu dalam pertandingan berkenaan.

“Kemenangan ini bukan berkisar tentang diri saya sendiri, malah berkisar tentang ahli pasukan saya apabila kami berusaha secara bersama-sama termasuk mengorbankan masa untuk latihan.

“Untuk pengetahuan semua, kami sedang berada di minggu ulang kaji dan minggu depan kami akan menghadapi peperiksaan.

“Bagaimanapun, kami masih boleh membahagikan masa dengan baik untuk latihan demi Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), demi UPSI itu sendiri serta membawa nama UPSI di persada antarabangsa,” katanya. Pelajar Tahun Ketiga Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa

Melayu itu berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Forum Piala Menteri Besar ke-16 Peringkat Antarabangsa 2026 di Dewan Seri Tanjung, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh di sini pada Khamis.

Katanya, kejayaan itu adalah hasil usaha berpasukan dan sokongan penyarah pembimbing yang sentiasa menyuntik semangat kepada semua ahli.

“Pada peringkat akhir semalam kami diberi tajuk ‘Warisan Budaya dan Identiti Generasi Madani’. Sepanjang 20 minit berforum di atas pentas itu, alhamdulillah semuanya berjalan dengan lancar.

“Kami juga tidak sangka akan mendapat johan untuk kali kedua. Alhamdulillah, ini rezeki berkat usaha dan semangat yang kami bawakan.

“Pensyarah kami, juga selalu berpesan supaya sentiasa membawa aura juara. Cara perwatakan, pembawaan diri dan cara bercakap turut mencerminkan diri kita sendiri,” ujarnya.

Nuramiraasha berkata, penyertaannya dalam pertandingan itu

bermula pada 2024, namun pasukannya ketika itu gagal mara ke peringkat suku akhir. Bagaimanapun, katanya, pada tahun lalu, UPSI menghantar dua pasukan iaitu UPSI Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dan UPSI Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) berjaya mara ke peringkat akhir, manakala dia sendiri berjaya menerima anugerah Pengerusi Forum Terbaik selama dua tahun berturut-turut.

“Tahun ini, UPSI membuat sedikit kelainan dengan menghantar dua pasukan iaitu UPSI A dan UPSI B dari FBK. Pasukan UPSI A ini terdiri daripada pelajar-pelajar senior seperti saya dan UPSI B daripada pelajar junior.

“Kami turut mencari pelapis dan Panel Forum Terbaik pasukan kami adalah pelajar semester dua serta merupakan ahli baharu dalam pasukan ini.

“Alhamdulillah, kejayaan kami ini juga adalah berkat daripada semangat yang diberikan oleh penyarah, kawan-kawan dan juga sokongan ibu bapa masing-masing,” jelasnya.

Pasukan UPSI A membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM5,000, serta hadiah iringan dan sijil penyertaan.

